

Headline	Borang daftar bantuan one off Disember ini		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Nov 2011	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	197,952
Page No	4	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	97 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,264
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,792



Borang daftar bantuan *one-off* Disember ini

KUALA LUMPUR 1 Nov. - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) akan mengeluarkan borang pendaftaran bagi mendapatkan bantuan *one-off* berjumlah RM500 Disember ini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Dr. Mohd. Shukor Mahfar berkata, pendaftaran yang dibuka kepada rakyat berpendapatan isi rumah bulanan di bawah RM3,000 itu boleh dilakukan di 36 cawangan LHDN di seluruh negara.

"LHDN berfungsi sebagai agensi yang berdaftar untuk membantu Kementerian Kewangan mengenalpasti penerima bantuan yang layak.

"Kita menyediakan borang pendaftaran tersebut secara online dan bertulis bagi memudahkan proses pendaftaran yang tidak lebih daripada 14 hari waktu bekerja.

"Pengagihan bantuan wang tunai itu dilakukan secara berperingkat-peringkat, tanpa penetapan masa dan akan dilakukan secepat mungkin bermula Januari depan melalui bank yang dilantik oleh Akauntan Negara.

katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas merasmikan sambutan Hari Inovasi LHDN 2011 dan pelancaran laman media sosial LHDM di sini hari ini.

Bantuan *one-off* atau sekali sahaja kepada isi rumah yang berpendapatan bulanan di bawah RM3,000 diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa membentangkan Bajet 2012 baru-baru ini.

Mohd. Shukor berkata, buat masa ini, Kementerian Kewangan serta agensi kerajaan berkaitan sedang memuktamadkan mekanisme terbaik bagi pendaftaran dan pelaksanaan bantuan itu.

"Kementerian Kewangan juga sedang memperkemas definisi isi rumah yang telah siap 98 peratus dan ia dijangka di sempurnakan dalam masa dua minggu.